

27 MAC 2018

411 pelajar menengah dikesan positif dadah

411 pelajar menengah dikesan positif dadah

KUALA LUMPUR - Seramai 411 pelajar sekolah menengah di seluruh negara didapati positif dadah dalam tempoh Januari hingga Februari tahun ini.

Timbalan Menteri Pendidikan II, Datuk Chong Sin Woon berkata, daripada jumlah tersebut sebanyak 403 kes dikesan menerusi saringan air kencing yang dilakukan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) manakala lapan lagi kes meli-



SIN WOON

batkan tangkapan polis.

"Inisiatif yang dilakukan Kementerian Pendidikan adalah di kawasan sekolah dan kebanyakan kes-kes yang dikesan adalah peringkat mencuba (dadah) di luar sekolah.

"Kita mengenalpasti golongan (pelajar) yang berisiko ini dan bekerjasama dengan AADK di mana pelajar yang positif akan menjalani program pemulihan selama tiga bulan," katanya

pada sidang Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan **Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim (BN-Baling)** yang ingin mengetahui mengenai langkah-langkah yang telah diambil kerajaan bagi membasmi gejala penyalahgunaan dadah dalam kalangan pelajar sekolah.

Jelas Sin Woon, pelajar tersebut akan diletakkan di bawah jagaan AADK untuk mengikuti program pemulihan dalam tempoh lebih panjang sekiranya masih lagi didapati positif.